

QALBU, HATI DAN PENDIDIKAN MENURUT PANDANGAN ALAM BARAT DAN PANDANGAN ALAM ISLAM

Mohd Norzi Nasir¹, Ahmad Yani bin Ismail²

mohdnorzi@kuis.edu.my¹, ahmadyani@kuis.edu.my²

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

Abstrak

Pendidikan semasa yang di bina berdasarkan acuan Barat telah lama menjadi ikutan dan menjadi piawaian di seluruh dunia termasuklah di Malaysia. Menurut pandangan alam Islam, pendidikan dan qalbu berkait rapat antara satu sama lain dan tidak dapat dipisahkan. Walaubagaimanapun, menurut pandangan alam Barat, hati tiada peranan dalam pendidikan bahkan mendefinisikan hati hanya sebagai satu organ yang mengepam darah keseluruh badan. Melalui artikel ini, penulis ingin membandingkan qalbu, hati dan pendidikan menurut kacamata Barat dan Islam. Penulis akan menerangkan peranan qalbu dan hati dalam pendidikan. Penulis juga akan menerangkan konsep pendidikan menurut pandangan alam Barat. Penulis mengajak cendekiawan Islam untuk tidak terlalu ghairah menggunakan pendidikan beracuan Barat yang menolak peranan qalbu dan hati dalam pendidikan. Pendidikan dalam Islam mempunyai acuan sendiri dan ianya ada hubungan dengan salah satu daripada nama Allah SWT iaitu Yang Maha Mengetahui (Al ‘Ilm).

Kata Kunci : Qalbu, Hati, Pendidikan, Pandangan Alam Barat, Pandangan Alam Islam

1.0 PENGENALAN

Pendidikan hari ini cenderung kepada *Core Competency* (keupayaan teras) yang memberi penekanan kepada aspek kecekapan dan kemahiran professional (*Transformation of KUIS : Buku Panduan, 2011*). Pendidikan ini merupakan acuan pendidikan Barat yang telah lama mendarah daging di Malaysia. Tradisi Barat telah menjadi asas kepada pendidikan sekular dan menjadi sebahagian daripada kita seperti yang termaktub dalam kata-kata “*give unto Caesar what is Caesar’s, and give unto God what is God’s*” (*Transformation of KUIS : Buku Panduan, 2011*). Dalam ertikata yang lain pendidikan arus perdana adalah bersifat *dualism* (Hashim, 1996).

Sebaliknya pendidikan dalam Islam mewajibkan Islam sebagai teras utama melalui pendidikan ketauhidan dan *Islam as Core*, yang dimanifestasikan melalui *Core Curriculum* (kurikulum teras). Ini kerana tujuan dan matlamat pendidikan itu sendiri adalah untuk membina insan yang berperanan sebagai khalifah Allah SWT dalam memakmurkan bumi (*Transformation of KUIS : Buku Panduan, 2011*).

Pendidikan dalam Islam adalah sesuatu yang bersifat peribadi, kerana falsafah pendidikan Islam itu sendiri adalah sesuatu yang bersifat ruhani/kejiwaan (Hassan, 2012). Kerohanian dan kejiwaan adalah yang berkaitan dengan hati (qalbu). Pendidikan dalam Islam memberi peranan yang besar kepada hati (qalbu) yang mana tidak ada peranan dalam pendidikan acuan Barat.

Terdapat jurang perbezaan yang jelas antara matlamat pendidikan menurut Barat dan menurut lensa Islam. Artikel ini bertujuan membezakan pendidikan dan peranan hati dan qalbu menurut pandangan alam Barat dan pandangan alam Islam.

Untuk memahami lebih lanjut mengenai perbezaan tersebut, adalah penting untuk memahami apa itu pandangan alam menurut Barat dan apa itu pandangan alam menurut Islam. Kami juga merasakan pentingnya untuk memahami perbezaan antara pandangan alam Barat dan pandangan alam Islam. Untuk memahami lebih lanjut perihal pandangan alam Barat, kami akan menerangkan secara ringkas pandangan alam Sains Barat dan

apakah saintisme. Kami kemudiannya menerangkan epistemologi berdasarkan kedua-dua pandangan alam tersebut. Kami juga menitik beratkan perbezaan pendidikan menurut kedua-dua pandangan alam tersebut. Seterusnya kami akan membincangkan makna hati dan qalbu seperti yang di fahami oleh Barat dan membandingkannya dengan pandangan alam Islam. Bertepatan dengan tajuk artikel ini, kami perlu untuk membahaskan perihal pendidikan, matlamat pendidikan dan kedudukan ilmu menurut kedua-dua pandangan alam tersebut.

2.0 MAKNA PANDANGAN ALAM MENURUT PERSPEKTIF BARAT

Pandangan alam menurut kaca mata Barat bermaksud satu kerangka yang komprehensif mengenai kepercayaan seseorang terhadap sesuatu dan juga hubungannya. Ia merupakan perspektif yang asas yang di gunakan untuk memahami dunia dan juga pengalaman seseorang terhadapnya. Ia akan membentuk dan menetapkan arah kehidupan seseorang, membantu seseorang memahami, menerangkan dan meneroka dunia sekitar dan semua aktiviti dalam kehidupannya dan bagaimana semua ini berkaita antara satu sama lain, dengan memberi kita perspektif terhadapnya. Dalam ertikata yang lain, pandangan alam merupakan

“Satu kerangka yang komprehensif mengenai kepercayaan asas seseorang terhadap sesuatu dan hubungan antaranya.”

Pandangan alam juga merujuk kepada sistem yang mana seseorang melihat aktiviti dan rangkaian peristiwa yang berlaku di sekelilingnya. Ia di bentuk melalui pengalaman di mana seseorang akan membentuk dan memahami kehidupan seseorang. Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka atas talian menterjemahkan *worldview* sebagai pandangan hidup. Kamus Inggeris Oxford (1989) mendefinasikannya sebagai “falsafah atau pandangan hidup; konsep dunia dan kehidupan yang menjadi pegangan seseorang atau sekumpulan manusia.

3.0 MAKNA PANDANGAN ALAM MENURUT ISLAM

Dalam bukunya yang bertajuk “Tinjauan Ringkas Peri Ilmu dan Pandangan Alam”, Profesor S.M.N Al-Attas (2007) menerangkan:

“Dari segi tinjauan Islam yang disebut *pandangan alam* itu bukanlah hanya pandangan akal nazari terhadap alam jasmani belaka, termasuk pandangan terhadap penglibatan insan dalam sejarah, masyarakat, politik dan kebudayaannya. *Pandangan* yang kita maksudkan bukan hanya pandangan nazari – ya’ni apa yang dipandang oleh mata kepala dan direncanabentuk dalam fahaman akal nazari berdasarkan penglihatan zahir. Begitu juga *alam* yang kita maksudkan bukan hanya merujuk kepada alam jasmani melulu, atau tinjauan dan fikiran mengenainya yang dirumuskan dari pemerhatian ma’lumat-ma’lumat zahiri, kerana tinjauan demikian itu akhirnya berpunca pada pengalaman indera jasmani sebagaimana terlihat oleh penglihatan zahir, ya’ni *alam* yang kita maksudkan bukan terhadap ma’nanya pada alam shahadah yang merupakan kejadian semesta yang zahir yang direnungkan oleh akan nazari. Secara ringkasnya, *pandangan alam* bererti pandangan zahir dan batin terhadap hakikat kewujudan dan kebenaran yang diperlihatkan pada nazar serta renungan akali peri kewujudan semesta dunia-akhirat.”

Choudhury (2000) mengertikan pandangan alam sebagai satu rekabentuk Islam terhadap realiti yang berkaitan dengan epistemologi *Devine Unity* dan dunia realiti dan sistemnya.

Perbezaan yang ketara antara makna pandangan alam menurut perspektif Barat dan Islam iaitu, secara ringkasnya, Barat hanya merujuk kepada pandangan mata kasar (apa yang nampak oleh kelima pancaindera) dan dunia realiti, material atau fizikal. Pandangan alam menurut Islam, menjangkau elemen jasmani, roh dan alam yang tidak boleh di capai oleh kelima pancaindera.

4.0 PANDANGAN ALAM BARAT

Pandangan alam Barat yang berakar umbi dari era Kebangkitan (*Renaissance*) memberi penekanan terhadap kehidupan manusia di atas muka bumi ini sahaja dan telah membuang tumpuan terhadap dunia spritual (roh) selepas mati (Tarnas, 1991). Tempoh ini juga menyaksikan pemikiran saintifik dimana prinsip-prinsip dasarnya adalah *empiricism*, matematik dan mekanik (Tarnas, 1991). Perkembangan ilmu sains pada zaman itu telah menjadikan ilmu sains adalah satu-satunya cabang ilmu pengetahuan. Mereka telah mengenakan *nasionalisme* dan *empirikisme* pada acara berfikir dan menyelidik kepada bidang-bidang ilmu lain (Al-Attas, 2007).

Pandangan Dunia Barat diasaskan kepada tiga bentuk yang berbeza dan dialektik yang berkaitan dengan *Renaissance*, Reformasi dan Revolusi Saintifik. Pandangan alam ini telah menamatkan hegemoni budaya / dominan Gereja Katolik di Eropah dan telah mewujudkan semangat yang lebih individualistik, ragu-ragu dan sekular zaman moden dan sains muncul sebagai agama baru Barat.

Sains menyumbang kepada pembebasan manusia dan disebabkan oleh:

- empirikal, rasional, sesuai dengan akal dan kepada realiti nyata yang setiap orang boleh menyentuh dan menilainya sendiri.
- fakta disahkan dan teori diuji dan dibincangkan antara orang yang setara digantikan wahyu dogmatik hierarki yang dikenakan oleh Gereja institusi.

Menurut Tarnas (1991), Barat telah mengeluarkan ketuhanan dari kehidupan mereka dan memberi perhatian yang keterlaluan kepada kehidupan dunia dan dunia ini (Salleh et al).

5.0 PANDANGAN ALAM ISLAM

Pandangan alam Islam, yang juga dikenali sebagai pandangan alam kekhalfahan (*vicegerental*), adalah pandangan alam yang berkisar sekitar isu-isu kekhalfahan yang komprehensif yang memerlukan sistem kepercayaan, sistem Syariah, sistem etika dan visi tamadun realiti dan kemajuan. Ia adalah pandangan alam yang dibina berdasarkan teks al-Qur'an yang diturunkan. Ia menawarkan wawasan kehidupan yang lebih menyeluruh dan rasional. Ia merangkumi visi kemasyarakatan yang kolektif yang wujud dimana umat Islam menawarkan jawapan kepada soalan-soalan utama yang berkaitan dengan Pencipta, kewujudan, alam semesta, kehidupan, manusia, kenabian, kekhalfahan, masyarakat zahir dan yang batin dan juga diakhirat (Berghout, 2009).

Pandangan alam Islam terdiri daripada wawasan yang menawarkan penjelasan yang konsisten dan menyeluruh terhadap penciptaan, realiti, alam semesta, kehidupan dan pengalaman manusia. Ia mentakrifkan tanggungjawab manusia di dunia dan ilmu dan bimbingan yang diperlukan boleh didapati. Ia menerangkan hubungan antara manusia dan dunia lain yang dilihat dan yang ghaib.

Tumpuan diberikan kepada umat secara kolektif. Dalam ertikata yang lain, ia bukan pandangan alam yang berorientasikan satu-satu individu iaitu setiap orang Islam tidak mempunyai pandangan alam sendiri yang berbeza dari orang Islam yang lain serta tidak mempunyai hak mutlak untuk mengubah pandangan alamnya atau meninggalkannya seperti dalam kes harta peribadi . Ia adalah berdasarkan kepada perjanjian, sepanjang perjalanan sejarah, menepati al-Quran, Sunnah dan ijmak para ulama untuk menegakkan wawasan hidup ini dan menyebarkannya kepada semua generasi dan masyarakat. Ia dikongsi oleh semua umat Islam tanpa mengira bangsa, budaya, bahasa dan doktrin-doktrin lain selama mereka berada dalam parameter yang diterima Islam.

Pandangan alam Islam memberi pemahaman dan menangani perihal kewujudan secara keseluruhan yang meliputi dunia yang nyata dan alam ghaib. Ia meneliti isu-isu yang berkaitan dengan dunia dan akhirat, masa lalu, masa kini dan masa depan, intelek, rohani, moral, etika, sosial, politik, ekonomi, kebudayaan dan bidang ketamadunan. Pandangan ini hasil daripada interaksi umat Islam dengan kehidupan dan realiti berdasarkan dan mengikut ajaran Islam. Ia memberi panduan yang perlu bagi Muslim untuk cemerlang dalam usaha beliau sebagai seorang khalifah Allah dan mencapai matlamat di dunia dan di akhirat.

6.0 PANDANGAN ALAM BARAT, SAINS DAN SAINTISME

Kami telah mengemukakan asas utama pandangan alam Barat ialah penolakan konsep ketuhanan dalam kehidupan masyarakat Barat dan digantikan oleh sains sebagai agama maka lahirlah istilah saintisme. Oleh itu, isu sains dan saintisme yang menjadi dasar pandangan alam Barat memerlukan perbincangan lanjut dan mempunyai signifikan yang mengandungi perbincangan kami.

Salleh dan Ahmad (2008) mempersoalkan kewajaran sains yang bercorak klasik mekanistik yang dipelopori oleh Newtonian-Cartesian. Mereka menjelaskan bahawa undang-undang fizikal sains Newtonian-Cartesian yang berpangkalan di Barat menganggap alam semesta sebagai yang berpecah-pecah dan berasingan. Mereka mengakui bahawa sejak zaman Descartes, Galileo dan Newton, pandangan alam Sains Barat yang dominan bahawa alam semesta adalah seperti fizikal (material) mesin besar bekerja pada mekanisme lancar dengan manusia di dalamnya juga dilihat sebagai mesin. Di bawah rejim sains klasik Newtonian-Cartesian, martabat manusia telah direndahkan kepada mesin. Model mekanistik ini menolak mana-mana aspek bukan material manusia. Kesedaran juga telah dikeluarkan daripada sains ini. Asas falsafah ini adalah sains klasik yang tidak mempunyai sifat-sifat manusia dan kemanusiaan.

Asas-asas sains klasik yang di terima umum yang mendasari pandangan alam Barat tersebut di atas bercanggah dengan pandangan alam Islam. Tidak seperti hukum fizik sains Newtonian-Cartesian yang berasaskan Barat yang menganggap alam semesta sebagai berpecah-pecah yang berasingan, pandangan Islam iaitu menurut pandangan alam Islam, semesta yang sama adalah bersifat integral (tidak terbahagi kepada pecahan-pecahan). Ini jelas sebagaimana ayat berikut:

“Wahai Manusia! Kami menciptakan kamu dari satu roh, lelaki dan perempuan, dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu boleh mengenali antara satu sama lain. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah adalah yang paling bertakwa. Allah Maha mengetahui” (Al Quran 49:13)

Ayat di atas menunjukkan bahawa seluruh umat manusia diciptakan dari diri yang satu. Setiap jiwa menjadi "keseluruhan dalam keseluruhannya" dan setiap jiwa bersambung kepada jiwa yang lain yang pernah wujud atau wujud. Secara ringkas, alam semesta ini semuanya saling berkaitan.

Islam juga secara mutlak menolak pandangan alam dominan sains Barat yang mengatakan alam semesta ini tidak mempunyai roh dan ianya mekanistik dan bekerja pada mekanisme lancar. Ayat tersebut menjadi bukti seluruh alam semesta adalah roh yang saling berkaitan.

Pandangan tentang manusia oleh rejim sains klasik yang di pelopori oleh Newtonian-Cartesian sebagai manusia mekanistik merupakan pelanggaran yang paling asas dengan pandangan alam Islam terhadap manusia. Menurut pandangan alam kekhalfahan Islam, badan manusia dicipta daripada tanah liat. Dalam satu ayat al-Quran Allah S.W.T. berfirman, "Allah menciptakan manusia dari tanah liat kering seperti tembikar" (55:14). Kemudian Allah memberikan kehidupan kepada tanah liat itu dengan meniup RohNya ke dalamnya: "Dia (Allah) memulakan penciptaan manusia daripada tanah liat... kemudian Dia meniupkan RohNya ke dalam tanah itu" (32: 7-9) . Badan manusia hidup kerana

RohNya yang menghidupkan mereka. Tanpa roh, mereka akan menjadi air dan bumi (Murata & Chittick, 1994).

Jurang di atas antara asas-asas pandangan alam Barat yang mendominasi itu dengan pandangan alam Islam mempunyai kesan yang besar kepada orang-orang yang berasal dari tamadun Barat terutama pendidikan.

7.0 EPISTEMOLOGI MENURUT PANDANGAN ALAM BARAT DAN PANDANGAN ALAM ISLAM

Berdasarkan kepada hujah-hujah kami di atas, secara epistemologi pandangan alam Barat hanya mengiktiraf satu sumber ilmu pengetahuan iaitu ilmu yang boleh diperhatikan (*observable knowledge*) dan dianalisis secara fizikal dengan lima deria seperti penglihatan, rasa, sentuhan bau dan pendengaran. Apa-apa sahaja di luar domain fizikal ditolak (Salleh et. Al.). Salleh et. al. (2008) menerangkan lagi memandangkan epistemologi Barat terhad kepada pengetahuan yang boleh diperhatikan sahaja dan menolak ilmu wahyu, kaedah untuk mengetahui dan memahami sesuatu terhad kepada peranti persepsi akal manakala renungan hati tidak di iktiraf. Pengetahuan diperhatikan juga diterjemahkan kepada empirisme, objektif, positivis, yang boleh diukur dan mempunyai kesahihan.

Epistemologi Islam mengiktiraf dua sumber pengetahuan, pengetahuan yang diperhatikan (*observable knowledge*) dan pengetahuan yang diturunkan (*revealed knowledge*). Al Zeera (2001) menerangkan teori Al-Ghazali mengenai ilmu yang epistemologi Islam adalah kedua-dua agama dan lain-duniawi, dan berorientasikan material dan duniawi ini. Ia dibahagikan kepada pengetahuan teori dan praktikal. Ia termasuk isu-isu keagamaan dan kerohanian yang berkaitan dengan Allah, jiwa, dunia ghaib, malaikat-malaikat, *Ilm al-mukashafah*, dan subjek metafizik lain, serta isu-isu bahan atau duniawi (*Ilm al-mu'amalah*). Epistemologi Islam adalah kedua-dua keseluruhan dan kesucian.

8.0 QALBU DAN HATI MENURUT BARAT DAN SAINS

Istilah *hati* dalam Bahasa Inggeris adalah *HEART*. Menurut pandangan alam Barat yang didasari oleh pandangan alam sains klasik, *heart* bermaksud “*the organ in your chest that pumps blood through your veins and arteries*”(Merriam-Webster, 2015) atau diterjemahkan kepada “organ dalam dada yang mengepam darah melalui urat dan arteri”. Oxford Concise Medical Dictionary mendefinisikan *heart* sebagai “*A hollow muscular cone-shaped organ, lying between the lungs, with the pointed end directed downwards, forwards, and to the left*”.

Tidak ada istilah *qalbu* dalam Bahasa Inggeris. *Qalbu*, dalam Bahasa Arab, bermakna hati. Berdasarkan kepada di atas, dapat kami simpulkan bahawa menurut pandangan alam Barat, hati hanyalah satu organ dalam badan yang tidak mempunyai roh. Manakala hati atau *qalbu* menurut pandangan alam Islam, ianya bukanlah sekadar organ dalam badan tetapi ianya mempunyai roh.

9.0 PERBINCANGAN MENGENAI HATI MENURUT PANDANGAN ALAM ISLAM

Terdapat lebih kurang 169 kali perkataan “hati” disebutkan oleh Allah SWT dalam 159 ayat Al Quran. Walaupun diterjemahkan sebagai hati atau “heart”, Al Quran menggunakan istilah seperti *qalb*, *lubb*, dan *fuad* dan ketiga-tiga ini merujuk kepada “hati”. Menurut Kamus Al Mawrid, perkataan *qalb* dan *fuad* diertikan sebagai “heart”.

Selain daripada ayat-ayat al-Quran, banyak hadis-hadis mengenai hati. Antaranya adalah:

عن أبي هريرة ، قال : قال رسول الله صلى الله عليه وسلم : المسلم أخو المسلم ، لا يخونه ولا يكذبه ولا يخذله ، كل المسلم على المسلم حرام : عرضه وماله ودمه ، التقوى هاهنا ، بحسب امرئ من الشر أن يحقر أخاه المسلم .

Dari Abu Hurairah berkata: "Rasulullah SAW bersabda: "Seorang muslim adalah saudara muslim yang lain tidak boleh mengkhianatinya, membohonginya dan tidak boleh menghina. Setiap muslim terhadap muslim yang lain haram kehormatannya, hartanya dan darahnya. Taqwa itu ada di sini (di hati), seseorang cukup berbuat keburukan dengan menghina saudaranya sesama muslim." Riwayat Muslim

Dalam hadis di atas, Rasulullah SAW membuktikan bahawa taqwa itu letaknya di hati.

Sebagaimana penerangan kami mengenai pandangan alam Islam sebelum ini, di mana pandangan alam Islam adalah dipengaruhi oleh Al Quran dan Al Hadis. Berikut merupakan penerangan-penerangan mengenai hati menurut Dr. Ameenah Bilal Philips (2015) dalam bukunya "Essay On The Heart". Beliau menulis buku tersebut berdasarkan buku tulisan Ibnu Taymiyyah:

1. Allah menjadikan hati manusia bagi mereka untuk mengetahui perkara-perkara dengan cara yang sama di mana Allah telah menciptakan mata untuk melihat perkara-perkara dan telinga untuk mendengar sesuatu;
2. Fungsi utama hati adalah rohani dan bukan fizikal;
3. Nakhoda semua anggota badan dan kepala mereka adalah hati, kerana ia telah dinamakan qalb;
4. Allah SWT telah meletakkan di dalam hati pemberi peringatan setiap kali kita menghampiri kejahatan;
5. Minda ('aql) adalah di dalam hati (22:46, 8:179, 50:37)
6. Hati adalah tempat di mana minda tinggal;

7. Minda, yang merupakan fungsi jiwa, tinggal di lokasi jantung dan tidak sebenarnya yang terkandung dalam organ fizikal dipanggil jantung (hati);
8. Hati, yang mana iman, kebenaran dan takwa (taqwa), bukan yang sama dengan sekeping daging;
9. Sebagai hati diciptakan untuk mengetahui perkara-perkara, usaha mencapai sesuatu daripada keinginan untuk pengetahuan dipanggil pemikiran dan refleksi.
10. Jantung (hati) adalah secara semula jadi dapat membezakan antara yang baik dan yang jahat kerana kemampuannya yang Allah SWT diletakkan di setiap jantung;
11. Heart dicipta untuk memahami perkara-perkara;
12. Hati memahami perkara dengan sendirinya dan pengetahuan adalah khasiat dan keistimewaannya.
13. Nakhoda ilmu, pada hakikatnya, adalah jantung. Baki organ-organ dan tubuh sangat gatemmen yang dengannya maklumat sampai, yang mereka tidak dapat memperoleh sendiri.
14. Kelima-lima deria adalah sumber maklumat yang pihak mentafsir fikiran-hati dan bertindak atas.

Sebagai kesimpulan menurut pandangan alam Islam, hati memainkan peranan penting kepada seseorang. Ia membezakan seseorang manusia daripada haiwan. Ia bukan hanya sekadar organ yang tiada roh. Pandangan alam Barat yang mengatakan bahawa otak yang berada di kepala yang mengawal segala perbuatan manusia. Menurut pandangan alam Barat, hati mempunyai minda tersendiri malah semua aktiviti manusia berpunca daripada minda hati.

10.0 PENDIDIKAN MENURUT PANDANGAN ALAM BARAT

Pengetahuan dan pendidikan perlu dilihat secara berbeza dari konsep pengetahuan dan pendidikan Barat. Dari pandangan alam Islam, ilmu pengetahuan dan pendidikan adalah bersifat suci dan mempunyai peranan besar dalam membentuk hati dan jiwa manusia.

Kebanyakan sistem pendidikan, sosial dan ekonomi di dunia dewasa ini termasuk di negara-negara Islam adalah berpaksikan pandangan alam sekular Barat, menyebabkan pendidikan dan teknologi acuan Barat bersama dengan semua budaya Barat dilaksanakan tanpa disedari. Sistem pendidikan di negara-negara Islam adalah diimport dari luar. Terutamanya dalam pendidikan tinggi yang merupakan pemindahan lengkap sistem Barat, dengan semua ciri-ciri kebendaan dan sekular, ke dalam tubuh masyarakat Islam dengan agama mereka, kerohanian, dan identiti tradisional (A. Zeera, 2001).

11.0 MATLAMAT PENDIDIKAN

Terminologi “*education*/pendidikan” yang berasal dari bahasa Latin *e-ducere* itu, bermaksud "untuk mengeluarkan" (Yero, 2002). Pada dasarnya, ia merujuk kepada proses untuk mendorong potensi seseorang itu di jelmakan untuk menghadapi cabaran kehidupan (A. Salleh dan A. Ahmad, 2012). Oleh itu tujuan asal yang paling utama pendidikan adalah mengenai pembentukan peribadi dan yang kedua mengenai pembelajaran kognitif akan konsep dan pembangunan kemahiran. Herbart (1804, 1806), Hilgenheger (1993) menyatakan bahawa semua idea pendidikan adalah berkaitan konsep moral, iaitu membentuk perkembangan watak dengan tujuan untuk memperbaiki manusia. Pandangan pendidikan sebagai proses penyampaian ilmu pengetahuan bersama dengan tujuan moral juga di persetujui oleh pendidik zaman moden dan ahli falsafah seperti Dewey (2007), Piaget (1965), Palmer (2007) dan Al-Attas (1990). Sternberg, Reznitskaya dan Jarvin (2007) menekankan bahawa pendidikan perlu menggalakkan hikmah dan bukan semata-mata ilmu. Ini kerana apa yang penting bukanlah apa yang pelajar tahu tetapi bagaimana mereka menggunakan pengetahuan.

Maxwell (2007) pula amat yakin bahawa terdapat keperluan untuk melanjutkan matlamat pendidikan dari akademik pemerolehan pengetahuan kepada untuk elemen hikmah. Hikmah ditakrifkan sebagai keupayaan untuk menyedari apa yang mempunyai nilai dalam hidup untuk diri sendiri dan lain-lain (dan dengan itu termasuk ilmu, pengetahuan dan pemahaman). Mengulangi kata-kata Maxwell, pendidikan bukan sahaja yang

berkaitan dengan apa yang perlu tahu tetapi juga apa yang perlu dilakukan dalam perjalanan utama untuk menjadi manusia.

Hujah-hujah di atas juga sesuai dengan falsafah ulama pendidikan menurut Islam. Imam Al-Ghazali menulis bahawa matlamat utama pendidikan ialah pembentukan watak termasuk kualiti moral dan etika seperti ketaatan, rendah hati, kesederhanaan dan sikap yang baik seperti penyerahan sepenuhnya kepada kehendak Allah, kebergantungan pada Allah, dan kesyukuran kepada-Nya semata-mata. Beliau juga percaya bahawa tujuan pendidikan adalah untuk memupuk manusia supaya dia mematuhi ajaran agama, dan dengan itu memberi jaminan keselamatan dan kebahagiaan di akhirat yang kekal. Matlamat duniawi yang lain seperti mengejar kekayaan, kedudukan sosial atau kuasa, malah cinta ilmu adalah ilusi kerana ia berkaitan dengan dunia sementara (M. H. Khamis and M.J. Salleh, 2010).

Ibn Khaldun menekankan bahawa tujuan pendidikan adalah untuk menjadikan umat Islam yang beriman dan patuh kepada Tuhan melalui al-Quran dan ilmu-ilmu agama.

Ibn Sina mengenal pasti matlamat pendidikan sebagai pertumbuhan keseluruhan individu: fizikal, mental dan moral; diikuti dengan penyediaan oleh individu untuk hidup dalam masyarakat mengikut kecenderungan beliau. Bagi beliau, pendidikan tidak bertujuan semata-mata pada pembangunan intelektual dan mengumpul ilmu semata-mata tetapi juga bertujuan untuk pembentukan personaliti lengkap badan, minda dan watak (M. H. Khamis et al, ibid). Walaupun terdapat titik pertemuan antara pandangan sarjana Barat yang dinyatakan di atas dengan para ulama menurut pandangan alam Islam, perbezaan masih wujud akibat ketidaksamaan di dalam perspektif epistemologi dan ontologi.

12.0 SIFAT ILMU YANG ILAHI DALAM ISLAM

Terdapat 161 ayat dalam Al Quran yang menyebut perihal ilmu dan dalam satu ayat, Allah SWT telah menjanjikan pahala yang besar:

“Tetapi orang-orang yang mendalami ilmunya di antara mereka dan orang-orang mukmin, mereka beriman kepada apa telah diturunkan kepadamu (Al Quran) dan apa yang telah diturunkan sebelumnya dan orang-orang yang mendirikan solat, menunaikan zakat dan yang beriman kepada Allah dan hari akhirat. Orang-orang itulah yang akan Kami berikan kepada mereka pahala yang besar” (4:162)

Konsep ilmu dalam Islam menyatakan ilmu pengetahuan dan pendidikan bukan semata-mata sebagai perolehan maklumat atau keupayaan untuk menjelaskan dan menganalisa sesuatu fenomena tetapi juga menghubungkan proses ini dengan sifat Tuhan dan realiti. Etika tanggungjawab manusia sama sekali tidak hanya tertakluk kepada apa yang ada dalam wahyu atau hanya apa yang nampaknya serasi dengan wahyu adalah pengetahuan yang benar. Umat Islam percaya bahawa semua ilmu berasal daripada Allah S.W.T dan bahawa pengetahuan itu tiba kepada manusia melalui pelbagai saluran (Al-Attas, 2009, p. 9).

A. Salleh dan A. Ahmad (2012: 96) menekankan bahawa Institusi Pendidikan Tinggi harus membenarkan pengiktirafan dan pengakuan untuk perkara-perkara yang akan diletakkan pada tempatnya yang betul dalam susunan penciptaan, iaitu, untuk merealisasikan apa yang Al-Attas (1980) menerangkannya sebagai *adab*.

Pendidikan yang membolehkan penanaman adab adalah apa yang Al-Attas terjemahkan sebagai ta'dib manakala kandungan ta'dib menurut ulama awal adalah etika dan moral atau akhlak (Wan Daud, 1998).

13.0 KESIMPULAN

Berdasarkan kepada penerangan kami yang tersebut di atas, berikut adalah ringkasan yang penting:

1. Pandangan alam Barat telah menolak unsur agama dan konsep ketuhanan. Maka, apa yang berasalkan daripada pandangan alam Barat perlu di halusi dan tidak sepatutnya di ambil pakai tanpa usul periksa kesusaianya kepada umat Islam;

2. Pandangan alam Barat adalah berdasarkan kepada pandangan alam sains yang telah meniadakan konsep ketuhanan maka pandangan alam Barat telah meletakkan sains (saintisme) sebagai agama mereka;
3. Pandangan alam Islam memberi penekanan terhadap konsep ketuhanan dan peranan manusia di muka bumi sebagai khalifahNya. Pandangan alam Islam juga tidak menolak keperluan duniawi manusia;
4. Hati menurut pandangan alam Barat, hanyalah berfungsi sebagai satu organ yang mengepam darah yang letaknya di sebelah kiri dada. Pandangan ini tidak mengiktiraf peranan hati dalam pendidikan;
5. Menurut pandangan alam Islam, hati bukan sahaja berfungsi sebagai organ yang mengepam darah, malah hati mempunyai roh yang berfungsi untuk mengawal aktiviti pancaindera lain dan juga tingkah laku manusia itu sendiri;
6. Hati, menurut pandangan alam Islam, mempunyai peranan yang penting dalam pendidikan. Maka sistem pendidikan acuan Barat yang di guna pakai oleh umat Islam sekarang ini perlu di perhalusi akan kesesuaiannya;
7. Pendidikan berdasarkan pandangan alam Islam juga jauh berbeza dengan matlamat pendidikan ala Barat yang hanya mementingkan kehidupan duniawi.

RUJUKAN

- Abdullah Yusuf Ali. 1994. *The Holy Quran: Text and Translation*. Kuala Lumpur: Islamic Book Trust.
- Al Attas, S.M.N. (1995) *Prolegomena to the Metaphysics of Islam*.
- Al-Attas, S.M.N (2007) *Tinjauan Ringkas Peri Ilmu dan Pandangan Alam*. Penerbit Universiti Sains Malaysia. M/s 15-16.
- Al-Attas, S.M. N. 1980. *The Concept of Education in Islam: A Framework for an Islamic Philosophy of Education*. Kuala Lumpur: Muslim Youth Movement of Malaysia (ABIM). Al Qur'an dan Terjemahnya.
- Al Zeera, Z. (2001), *Wholeness and Holiness in Education: An Islamic Perspective*, *The International Institute of Islamic Thought*.
- Berghout, A. (2009), *Introduction to the Islamic World View*, *IIUM Press*.
- Choudhury, M.A. (2000) *The Islamic Worldview: Socio Scientific Perspective*.
- Dewey, J. 1938. *Experience and education*. New York: Collier Books.
<http://www.cherwell.org/news/uk/2012/11/17/oxford-academics-criticise-higher-education-reform>
- Herbart, J. F. 1804. *Über die ästhetische Darstellung der Welt als das Hauptgeschäft der Erziehung* (On the Aesthetic Representation of the World as the Principal Function of Education, place of presentation).
- Herbart, J. F. 1806. *Allgemeine pädagogik aus dem zweck der erziehung abgeleitet* [*General pedagogics derived from the purpose of education*]. German: Göttingen, J.F. Röwer.
- Hilgenheger, N. 1993. *Johann Friedrich Herbart. Prospects: the quarterly review of comparative education* (Paris, UNESCO: International Bureau of Education), XXIII (3/4), 649–664.

Kamus Al Mawrid.

Khamis, M. H. & Mohamad Johdi Salleh, M. J. (2010). The Philosophy of Education in Islam. *Regional Conference on Islamic Education*, <http://irep.iium.edu.my/11677/>

Murata, S. & C. Chittick, W (1994). *The Vision of Islam*, Paragon House.

M. H. Hassan (2012). *Adab dan Peradaban*. MPH Publishing. M/s 61.

Naugle, D.K. (1998). A history and theory of the concept of 'weltanschauung' (worldview). (Order No. 9921887, The University of Texas at Arlington). *ProQuest Dissertations and Theses*, 607-607 p. Retrieved from <http://search.proquest.com/docview/304493554?accountid=27932>. (304493554).

Oxford Concise Colour Medical Dictionary, Oxford University Press 1998

R. Hashim (1996). *Educational Dualism in Malaysia: Problems and Promises* (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1996), 79.

Salleh, A. & Ahmad, A. (2009). Soulful Stewardship: Steering Corporations through Human Governance Way, H. G. Consolation Prize. *Articles Of Merit Award On PAIB 2008*, 72.

Salleh, A and Ahmad, A. (2009). Re-actualizing the Leadership of Professional Accountants in Business: The New Sciences and Human Governance Way. *MIA Articles Of Merit Award On PAIB* Retrieved at <http://www.mia.org.my/new/downloads/human/articles/Reactualizing> the Leadership of Professional Accountants in Business-The New Sciences Way.pdf

Salleh, A. et. al.(Re) Integrating Spirituality into Higher Education Retrieved from http://econ3.upm.edu.my/kelasmaya/sumberkursus/JPP00004/MGM2111/Spirituality_in_HE%5B1%5D%5B1%5D.doc

- Salleh, A & Ahmad, A. (2009). Corporate Governance for the Human Leaders: A Time to Contemplate. Malaysian Directors Academy (MINDA) Newsletter. Issue No. 2 Retrieved 2 December 2014
<file:///C:/Documents%20and%20Settings/ADMIN%20STUDENT/My%20Documents/Downloads/Corporate%20Governance%20For%20Human%20Leaders.pdf>
- Salleh, A & Ahmad, A. (2010). Human Governance: Bringing the Meaning of Integrity in the Life of Professional Accountants Retrieved at <http://www.mia.org.my/new/downloads/professional/publications/HumanGovernance/HumanGovernance.pdf>
- Salleh, A & Ahmad, A. (2012). A Scientific Worldview of Accounting Ethics And Governance Education: The Right Footing of International Education Standard 4, ButAsian Academy of Management Journal, Vol. 17, No. 1, 131–150, January 2012.
- Salleh, A. & Ahmad, A. 2012. Way Forward: Operationalising A Higher Education Model Based on Islam, *Monograph, National Higher Education Research Institute, USM.*
- Salleh, A. et. al. (Re)Integrating Spirituality into Higher Education Retrieved from http://econ3.upm.edu.my/kelasmaya/sumberkursus/JPP00004/MGM2111/Spirituality_in_HE%5B1%5D%5B1%5D.doc.
- Setia, A. (2003), Al-Attas' Philosophy of Science: An Extended Outline, Islam & Science, *Center for Islam and Science. No. 2 Vol. 1 (December 2003)*. Retrieved from <http://www.cis-ca.org/jol/vol1-no2/Adi-ff.pdf>
- Tarnas, R. (2006). Cosmos And Psyche. *A Plume Book.*
<http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=worldview>
- Transformation of KUIS : Buku Panduan, 2011.*